

Perawi Utama Syiah yang Digelar Pendusta: Tinjauan Riwayat Zurārah Bin A'yan dalam Kitab *Al-Kāfi*

[The Main Mainflow of the Shi'a Called Liar: The Narration by Zurārah Bin A'yan in the Book of Al-Kāfi]

Khairulnazrin Nasir^{1*}, Rahim Kamarul Zaman,² & Muhammad Adam Abd. Azid¹

¹ Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur.

² Department of Aqidah and Islamic Thought, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, 50603 Kuala Lumpur.

* Corresponding Author: Khairulnazrin Nasir. Department of al-Quran and al-Hadith, Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Kuala Lumpur. Email: khairulnazrin19@gmail.com, Phone: +60133242865

Keywords:

al-Jarḥ wa al-Ta'dīl; Shia;
 Zurārah bin A'yan; *al-Kāfi*;
 Narrator.

ABSTRACT

A narrator is a person who plays a role in narrating a hadith, which is also known as a tradition, or story. The character and criteria of a narrator of hadith have a significant impact on the content of their tradition. *Al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*'s pointed out that the most serious integrity crisis concerning Shia narrators is that they are branded as liars, which has happened to several main narrators of the Shia books. This paper aims to discuss the status of the main Shia narrators who have been accused of lying by their own *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl* priests and scholars. This paper selected Zurārah bin A'yan as the primary narrator for study, and analyses his narrations in the book of *al-Kāfi* as the sample. The method applied in this study is qualitative, based on the content analysis method. The obtained data obtained was then conceptually and relationally analysed. It was found that secular scholars have called the major narrators of Shia throughout the flow of history liars, including Zurārah bin A'yan. In conclusion, many historical narratives such as those found in the majority of Shiite scriptures, such as *al-Kāfi*, have had their authenticity questioned and doubted, thus eroding the credibility of the Shia.

Kata Kunci:

al-Jarḥ wa al-Ta'dīl; Syiah;
 Zurārah bin A'yan; *al-Kāfi*;
 Perawi.

ABSTRAK

Perawi adalah individu berperanan dalam meriwayatkan hadis atau cerita. Karakter dan kriteria perawi memberi impak yang signifikan terhadap kandungan riwayatnya. Ilmu *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl* telah menggariskan bahawa krisis integriti paling serius adalah perawi itu digelar sebagai pendusta. Hal ini telah berlaku kepada sejumlah perawi utama bagi riwayat dalam kitab-kitab aliran Syiah. Justeru, makalah ini bertujuan untuk membincangkan tentang status perawi-perawi utama bagi aliran Syiah, yang dituduh sebagai pendusta oleh imam dan ulama *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl* mereka sendiri. Makalah ini juga memilih Zurārah bin A'yan yang dianggap perawi paling utama dan menganalisis riwayatnya dalam kitab *al-Kāfi* sebagai suatu pensampelan. Metode yang diaplikasikan dalam kajian ini

adalah kualitatif berasaskan metode analisis kandungan. Data yang diperoleh akan dianalisis secara konseptual dan relational. Kajian mendapati bahawa para perawi utama bagi riwayat aliran Syiah telah digelar sebagai pendusta oleh ulama sealiran mereka, termasuklah Zurārah bin A'yan. Kesimpulannya, kuantiti riwayat perawi seperti mereka yang banyak dalam kitab-kitab utama Syiah, seperti *al-Kāfi*, telah menghilangkan nilai autentikinya, seterusnya melenyapkan kebolehpercayaan terhadap Syiah.

Received: March 12, 2020

Accepted: April 29, 2020

Online Published: June 01, 2020

1. Pendahuluan

Al-Quran membawa suatu konsep pengkategorian manusia berdasarkan sahsiah dan keperibadiannya. Allah SWT menggesa umat Islam untuk mengenal pasti dan meneliti berita yang dibawa oleh orang fasiq (al-Hujurat 49: 6). Bertitik tolak daripada kefahaman dan penghayatan yang tinggi, maka ulama Sunni, khususnya ulama hadis telah menyusun suatu garis panduan dan kriteria bagi mengenal pasti riwayat yang disandarkan kepada Nabi SAW, sama ada diterima atau ditolak (Mtaib al-Shihri, N. bint A. 2019, 282). Inisiatif ini adalah suatu implementasi terhadap gagasan Rasulullah SAW menganjurkan supaya Sunnah baginda dipelihara dan diselamatkan daripada perubahan dan pemalsuan (Irham, M. 2011, 96), di samping usaha merekodkan hadis dalam bentuk penulisan (Jayadi, M. 2015, 65).

Pemeliharaan hadis bermula dengan sistem periwayatan secara sanad. Sanad atau sistem rantaian perawi adalah proses pemindahan riwayat disertai dengan pernyataan nama individu sebagai sumber input, sekaligus memberi impak secara implisit atau eksplisit kepada teks hadis. Maka sesuatu sanad itu perlu diuji bagi mengenal pasti tahap autentik dan kesahihannya (Nadhiran, H. 2014, 91). Justeru, *Ulum al-Hadith* telah diperkenalkan dan ia berkembang pada tahun ke-3 Hijrah (Sunusi, S. 2013, 65). Ulama hadis merumuskan bahawa sanad yang sahih mestilah bersambung rantaianya, diriwayatkan oleh perawi yang berintegriti dan daya hafalan yang baik, sanad atau matan tidak mengandungi *shādh* (keganjilan) dan tiada *'illah* (kecacatan) (Materu, R. D. 2011, 82 dan Akib, N. 2009, 107).

Komponen vital bagi penilaian hadis banyak tertakluk kepada perawi yang meriwayatkannya. Maka, ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dīl*, yang merupakan subbidang *Ulum al-Hadith* diperkenalkan untuk membincangkan status perawi. Label dan gelaran kepada setiap perawi memberi impak kepada status hadis yang diriwayatkan olehnya (Ma'ani, B. 2010 dan Ali, M. A. 2015, 284). Perawi yang diterima riwayatnya adalah seseorang yang digelar *thiqah* (dipercayai). *Thiqah* merujuk kepada individu yang memenuhi syarat pada kekuatan hafalan dan berintegriti. Aspek integriti atau adil adalah perawi yang baik budi pekerti dan ibadahnya, memiliki pengetahuan tentang hadis, bebas daripada sifat dusta, bidaah atau fasiq, yang ditolak penyaksiannya (Akib, N. 2009, 106). Oleh itu, kajian kritikal terhadap perawi hadis adalah proses mengenal pasti ketepatan dan keabsahan rantai riwayat berkenaan (Idri, I. 2010, 261), di samping penelitian terhadap teks dan kandungan hadis (Luthfi, K. M. 2015, 199; Maswara, H. 2017 dan Sunusi, S. 2013, 65).

Syiah adalah suatu aliran yang memiliki sumber rujukan hadis tersendiri dan jauh berbeza dengan rujukan Sunni. Dalam pemilihan riwayat dan penyusunan rujukan-rujukan itu, ulama Syiah menyusun metode tertentu dalam proses periwayatan hadis. Perbezaan metode paling signifikan dan ketara adalah penolakan riwayat daripada majoriti sahabat Rasulullah SAW kerana menganggap mereka mengkhianati Ali bin Abi Talib RA (Muslih, M. K. 2012, 2). Maka, Syiah meletakkan kecintaan dan permusuhan sahabat terhadap Ahl al-Bayt sebagai kayu ukur utama bagi menilai keadilan mereka (Mas'od, M., & Hamat, M. 2018, 23 dan Hj. Sulaiman, I. 1997, 63).

Usaha penyaringan riwayat yang dipelopori oleh ulama hadis beraliran Sunni memberi impak secara implisit kepada ulama Syiah. Pada asasnya, aliran Syiah tidak memiliki suatu metode yang tepat dan ilmiah dalam penyaringan riwayat. Pada peringkat awal, ulama Syiah tidak menitikberatkan hal ini. Namun, mereka mula membuat tapisan riwayat setelah mendapat kecaman daripada ulama Sunni. Ulama mutakhir Syiah membuat saringan riwayat, walaupun terpaksa mengimplementasikan metode saringan riwayat yang digunakan oleh ulama Sunni. Justeru, Syiah turut membahagikan hadis kepada sahih dan tidak sahih, atau mutawatir dan tidak mutawatir (Abdul Sukor, A. 1995, 87) dan memiliki koleksi kitab-kitab *al-Jarh wa al-Ta'dīl* tersendiri. Meskipun begitu, ulama Syiah menghadapi kesukaran kerana mereka tidak memiliki instrumen khusus untuk melakukan hal tersebut (Ulum, B., & Zainudin, M. Z. 2013, 139).

Terdapat kenyataan oleh ulama Syiah bahawa sejumlah individu dianggap sebagai perawi-perawi utama. Mereka meriwayatkan hadis, fatwa, atau nasihat daripada imam-imam Syiah, dan dimuatkan dalam sumber-sumber rujukan utama Syiah. Ironinya, perawi-perawi utama itu turut digelar oleh ulama Syiah sebagai pendusta, atau tidak berintegriti (A. Rahman, 2017, 175-179). Persoalannya, siapakah perawi-perawi hadis yang utama bagi aliran Syiah, dan digelar pendusta? Sejauh mana kedudukan riwayat mereka dalam kitab-kitab utama Syiah. Maka, makalah ini berusaha membincangkan persoalan tersebut, dengan memberikan fokus terhadap perawi bernama Zurārah bin A'yan dan riwayatnya dalam kitab *al-Kāfi*, karangan al-Kulaynī.

2. Metodologi Kajian

Secara amnya, makalah ini adalah berorientasikan kajian asas yang bertujuan untuk memahami subjek yang dikaji. Data kajian pula adalah berbentuk kualitatif, iaitu bersumberkan bahan perpustakaan berkaitan dengan ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dīl*, dengan memfokuskan terhadap penulisan beraliran Syiah. Data-data kajian dikumpulkan daripada sumber-sumber autentik seperti buku dan artikel ilmiah. Penulis mengutamakan rujukan daripada aliran Syiah dalam memberikan penilaian terhadap perawi-perawi mereka. Demikian sangat signifikan untuk mengelakkan persepsi kurang adil terhadap perawi aliran Syiah.

Sementara itu, metode analisis data yang diaplikasikan dalam makalah ini ialah induktif dan deduktif, khususnya dalam analisis riwayat *al-Jarh wa al-Ta'dīl* daripada ensiklopedia *Rijāl al-Kishshī* dan penelitian kepada riwayat-riwayat Zurārah bin A'yan dalam kitab *al-Kāfi*. Hasil analisis dan statistik dikemukakan dalam bentuk jadual dan graf.

3. Perawi Utama Yang Digelar Pendusta Menurut Kitab *al-Jarh Wa al-Ta'dīl* Aliran Syiah

Meskipun tidak setanding aliran Sunni, Syiah juga memiliki ilmu periwayatan tersendiri. Walau bagaimanapun, ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dīl* dalam aliran Syiah mengandungi kontradiksi hukum yang sangat ketara. Justifikasinya. Terdapat kebarangkalian seseorang perawi disanjung dan diberi pujian tertinggi, namun pada masa yang sama, perawi itu dilaknat, dicela, dituduh sebagai pendusta atau pemalsu hadis seperti Zurārah bin A'yan (Zahir, 1979, 174). Syiah juga memiliki perawi-perawi utama yang banyak menukikan riwayat daripada imam-imam mereka.

Al-Kishshī menegaskan bahawa terdapat ijmak dalam kalangan ulama Syiah tentang kejujuran dan integriti pada perawi terkemuka daripada Abu Ja'far AS [m.114 H] dan Abu 'Abd Allah AS [m.148 H]; dan penguasaan mereka dalam ilmu fikah. Tambah beliau, para ulama menyatakan bahawa enam orang antara mereka, yang paling fakih adalah Zurārah, Ma'ruf bin Kharrabudh, Burayd, Abu Bāshir al-Asdiy, Fuḍayl bin Yasar, Muhammad bin Muslim al-Ṭā'ifi. Mereka berkata: “Yang paling fakih antara mereka berenam adalah Zurārah.” (al-Ḥāirī, 1982, 2: 335 dan al-Āmilī, t.th, 20: 79).

Jadual 1. Senarai Perawi Utama Syiah

No.	Nama Perawi
1	Zurārah bin A'yan, Abū al-Ḥasan
2	Burayd bin Mu'āwiyah Abū al-Qāsim al-'Ijlī
3	Abū Bāshir Layth bin Murād al-Bakhtari
4	Muḥammad bin Muslim al-Thaqafi
5	Ma'ruf bin Kharrabudh
6	Fuḍayl bin Yasar

Menurut Sharaf al-Dīn al-Mūsawī menyatakan dalam kitabnya *al-Murājāt* bahawa empat tokoh tersebut telah mencapai kedudukan tertinggi dan dipuji oleh Imam Ja'far al-Ṣādiq (t.th., 529). Selain itu, al-Musawī (t.th, 417) dan al-Ṭusī (2006, 126-127) memetik pujian Ja'far al-Ṣādiq bahawa keempat-empat perawi yang dinyatakan di atas adalah

- individu yang diamanahkan oleh Allah SWT untuk menjaga urusan hukum halal dan haram;
- Banyak berjasa kepada Ahlul Bait, khususnya dalam memahami riwayat mereka;
- Mereka adalah penjaga agama;
- Kelompok yang paling hampir dengan Ahlul Bait di dunia dan di akhirat;
- Menjamin mereka menjadi ahli syurga;
- Mereka diamanahkan untuk menyimpan rahsia Ja'far al-Ṣādiq.
- Kumpulan yang memerangi bidaah dan pengikutnya.

Walau bagaimanapun, Zurārah adalah perawi paling berperanan dalam periwayatan hadis, fiqh, tafsir dan sebagainya daripada dua imam Syiah, Ja'far al-Ṣādiq dan Muḥammad al-Bāqir (Ḥasan. K, 2010, 105).

4. Zurārah bin A'yan bin Sansan: Perawi Utama Aliran Syiah

Zurārah ialah perawi paling utama bagi aliran Syiah. Nama beliau ialah Abū Ḥasan atau Abū 'Ali, Zurārah bin A'yan bin Sansan al-Shaybānī. Dikatakan bahawa Zurārah adalah gelaran dan namanya yang sebenar ialah 'Abd Rabbih. Datuknya iaitu Sanan, seorang hamba berbangsa Rom milik kabilah Bani Shaybān. Zurārah tinggal di kota Kufah (al-Jazā'irī, 1901, 1: 389; al-Ṭūsī, t.th, 74 dan al-Zarkalī, 2002, 3: 43). Zurārah bin A'yan dan saudara-saudaranya memiliki riwayat daripada tiga tokoh utama Syiah, iaitu Imam Abu Ja'far Muḥammad bin 'Ali al-Bāqir [m.114 H], Imam Abū 'Abd Allāh Ja'far bin Muḥammad al-Ṣādiq [m.148 H dan Musā bin Ja'far al-Kāẓim [m.183 H] (al-Ṭūsī, t,t, 74 dan Ṣāḥih. 1979, 174).

4.1 Riwayat Pujian (al-Ta'dīl)

Menurut al-Najāshī Zurārah adalah seorang qari, fakih, ahli Kalam, penyair, dan mahir dalam bidang sastera. Terakumulasi dalam dirinya banyak kemuliaan, kelebihan dan agama. Beliau bersikap benar dalam apa yang diriwayatkan (al-Najāshī, 2010, 172 dan al-Jazā'irī, 1901, 1: 389). Beliau terkenal sebagai pemuka kumpulan al-Zarārah, salah satu cabang daripada puak pelampau Syiah (al-Baghdādī, 1977, 52 dan al-Zarkalī, 2002, 3: 43). Zurārah meninggal dunia pada tahun 150 H/ 767 Masihi (al-Najāshī, 2010, 172 dan al-Zarkalī, 2002, 3: 43). Menurut al-Khū'ī (t.th, 8: 228), Zurārah meninggal dunia dua bulan atau kurang selepas kematian Ja'far al-Ṣādiq.

Zurārah bin A'yan diterima sebagai perawi utama dalam kalangan ulama Syiah. Riwayatnya banyak dijadikan sandaran, sama ada dalam bidang akidah, hukum-hakam, adab dan sebagainya. Zurārah dianggap tokoh penting dalam kalangan Syiah kerana dia adalah perawi daripada tiga imam Syiah (al-Khū'ī, t.th, 8: 228). Abu 'Abd Allāh Ja'far al-Ṣādiq [m.148 H] berkata: "*Semoga Allah merahmati Zurārah bin A'yan, seandainya tidak ada Zurārah dan orang-orang sepertinya maka tidak akan tersisa hadis-hadis bapakku AS.*" (al-Ṭūsī 2006, 126). Ja'far al-Ṣādiq juga berkata: "*Wahai Zurārah, sesungguhnya nama kamu tersenarai dalam kalangan nama penghuni syurga.*" (al-Ṭūsī 2006, 123). Ibn Dāwūd al-Ḥillī (1972, 97) pula menyenaraikan Zurārah bin A'yan dalam kitabnya, Rijāl Ibn Dāwūd dalam bahagian pertama yang memuatkan perawi-perawi yang terpuji. Al-Ḥāiri dalam *Jāmi' al-Ruwāḥ* (1983, 1: 342) menyimpulkan bahawa Zurārah sebagai perawi yang *thiqah* (dipercayai). Ibn al-Muṭahha al-Ḥillī (1968, 151) pula menyimpulkan bahawa walaupun terdapat riwayat yang mencela Zurārah bin A'yan, namun masih boleh diterima riwayatnya.

4.2 Riwayat Celaan Sebagai Pendusta (al-Jarḥ)

Di samping pujian terhadap Zurārah bin A'yan, kitab-kitab biografi perawi Syiah turut memuatkan sejumlah riwayat celaan daripada para imam mereka terhadap beliau. Antaranya, Ja'far al-Ṣādiq berkata: "*Dia berdusta ke atas diriku. Demi Allah, dia telah berdusta ke atas diriku. Demi Allah, semoga Allah melaknat Zurārah. Semoga Allah melaknat Zurārah. Semoga Allah melaknat Zurārah.*" (al-Ṭūsī, 2006, 134-135). Beliau juga berkata, "*Wahai Abu Bashīr, akan ada 12 orang yang tidak seorang pun yang membuat bidaah dalam Islam setanding bidaah yang diadakan oleh Zurarah. Laknat Allah ke atasnya.*" (144). Ja'far berkata: "*Jangan kamu mepedulikannya. Dan jika dia sakit janganlah kamu menziarahinya. Jika dia mati, janganlah kamu menghadiri jenazahnya. Benar, Zurarah lebih buruk dari Yahudi dan Nasrani dan daripada orang yang mengatakan bahawa bersama Allah tiga dari yang tiga.*" (136).

Ensiklopedia utama bagi perawi-perawi Syiah, iaitu Kitab Rijāl al-Kishshī memuatkan sejumlah riwayat daripada imam-imam Syiah yang menggambarkan Zurārah bin A'yan seorang perawi yang tercela. Malah, celaan-celaan itu keras hingga mencapai tahap *takfīr*. Berdasarkan penelitian secara induksi terhadap sumber tersebut (al-Kishshī, 2006, 131-144) penulis merumuskan bahawa Zurarah bin A'yan dilaknat oleh Ja'far al-Ṣādiq, disifatkan lebih keji daripada Yahudi dan Nasrani, mengkhianati Abū Ja'far al-Bāqir, membuat bidaah dan kezaliman, berdusta di atas nama Ja'far al-Ṣādiq, sengaja melewatkan solat, disifatkan akan mati dalam keadaan sesat tanpa iman, dan Ja'far al-Ṣādiq mengancamnya dengan neraka.

4.3 Jawapan Syiah Kepada Riwayat al-Jarh (Celaan)

Kontradiksi hukum sangat ketara dalam ilmu Rijal Syiah, khususnya dalam memberikan kedudukan perawi, status riwayat dan hadis-hadis mereka. Syiah tidak konsisten dalam menilai riwayat pujian dan celaan terhadap Zurārah bin A'yan dan seumpamanya. Bagi menghadapi kritikan Ahli Sunnah, ulama Syiah mengemukakan pendirian dan alasan, sama ada mengatakan:

- semua pujian adalah sahih dan semua celaan adalah daif (al-Jazā'irī, 1901, 1: 393-394; al-Khū'ī, t.th, 8: 229-237 dan Hasan. K, 2010, 107);
- celaan kepada perawi itu adalah olok-olok, atau *taqiyyah* (al-Khu'ī, t.th, 8: 237-253; al-Jazā'irī, 1901, 1: 392; al-Tūsī, 2006, 127-129 dan al-Qafārī, 2007, 1: 381);
- perbuatan mencela penyokong mereka demi menyelamatkan mereka daripada ancaman kerajaan Bani Umaiyah (Hasan. K, 2010, 107);
- dan menafikan kewujudan riwayat yang mencela perawi. Riwayat celaan adalah rekaan musuh (al-Mūsawī, t.th 533).

Dalam hal ini, Syiah tidak memiliki jawapan mapan terhadap riwayat laknat dan celaan kepada Zurārah selain faktor *taqiyyah*. Malah, mereka sendiri tidak mampu mengemukakan kaedah pemisah bagi membezakan ucapan dengan *taqiyyah* dan tanpa *taqiyyah* (al-Qafārī, 1992, 1: 283). Jika kerana *taqiyyah* sekalipun, celaan tidak perlu melampau sehingga melaknat dan mengkafirkannya. Ja'far al-Šādiq pula tidak perlu menggunakan *taqiyyah* dengan mencela penyokongnya, kerana beliau adalah tokoh yang disegani dan dihormati oleh Ahli Sunnah. Ironinya, Zurārah turut melakukan tindak balas dengan mencela Ja'far al-Šādiq dan melakukan perkara yang tidak senonoh terhadapnya. Manakala, dakwaan bahawa musuh telah campur tangan terhadap kandungan sumber-sumber utama mereka hanya menghilangkan kepercayaan pengikut kepada keaslian dan autentik sumber itu.

Kajian ini merumuskan bahawa Zurārah bin A'yan telah dikritik dengan celaan yang serius pada aspek integriti dan akhlak. Antara kaedah penting dalam ilmu *al-Jarh wa al-Ta'dīl* adalah sekiranya terdapat pada seseorang perawi, riwayat *ta'dīl* (pujian) dan riwayat *jarh* (kritikan), maka mestilah didahulukan riwayat kritikan jika ia diperincikan sebabnya (al-Wādī, 2004, 186). Tambahan pula, Zurārah bin A'yan telah dipertikaikan hubungannya dengan Ja'far al-Šādiq oleh ulama Sunni yang sezaman dengannya. Diceritakan kepada Sufyān bin 'Uyaynah [m.198 H] bahawa Zurārah meriwayatkan daripada Abū Ja'far (al-Bāqir) secara bertulis, lalu Sufyān berkata: "*Zurārah tidak pernah melihat Abu Ja'far. Dia hanya mengutip ucapannya sahaja.*" (al-Rāzī, 1952, 1: 37 dan al-'Asqalāni, 2002, 3: 496). Pernyataan bahawa Zurārah melihat Abū Ja'far Muḥammad bin 'Ali juga dinafikan oleh Sufyān al-Thawrī [m.161 H] (al-Dhahabi, 1963, 2: 70). Menurut ulama Sunni pula, Zurārah bin A'yan seorang perawi *rafiḍah* tercela dan tersenarai dalam perawi-perawi yang lemah (al-'Uqaylī, 1984, 2: 96 dan al-Dhahabī, 1967, 143). Justeru itu, kewujudan perawi yang kehilangan integriti memberi impak besar kepada riwayat, khususnya kepada penulisan yang banyak menukulkan riwayat berkenaan.

5. Analisis Riwayat Zurarah bin A'yan Dalam Kitab *al-Kāfi* Karangan al-Kulaynī

Aliran Syiah turut memiliki sumber rujukan dalam bidang hadis dan riwayat. Secara holistik, tulis-tulisan tersebut berorientasikan pengumpulan riwayat daripada para imam Syiah, bukan hadis yang diriwayatkan daripada Nabi SAW (S. Damiral, 2012, 39-40). Sejumlah lapan kitab yang dianggap sumber rujukan utama aliran Syiah, yang paling utama adalah seperti jadual berikut:

Jadual 2. Sumber Hadis Utama Syiah

No	Kitab-kitab Utama	Penulis	Bil. Riwayat
1	<i>Al-Kāfi</i>	Al-Kulaynī, Muḥammad bin Ya'qūb bin Ishāq (m 329 H)	16199
2	<i>Man Lā Yaḥḍuruh al-Faqīh</i>	Al-Šādūq, Muḥammad bin 'Ali bin al-Ḥusayn (m 381 H)	5998
3	<i>Al-Tahdhīb</i>	Al-Tūsī, Abū Ja'far Muḥammad bin al-Hasan (m 460 H)	13095
4	<i>Al-Istibṣār</i>	Al-Tūsī, Abū Ja'far Muḥammad bin al-Hasan (m 460 H)	5511
5	<i>Biḥār al-Anwār</i>	Al-Majlisī, Muḥammad Bāqir bin Muḥammad Taqiy (m 1111H)	110 jilid
6	<i>Wasāil al-Shī'ah</i>	Al-Hurr al-'Āmilī, Muḥammad bin al-Hasan (m 1104 H)	35868
7	<i>Mustadrak al-Wasāil</i>	Al-Nūrī al-Tabrasi, al-Mirzā Husayn bin Muḥammad Taqiy (m 1320 H)	23158
8	<i>Al-Wafi</i>	Al-Kāshānī, Muḥammad Muḥsin bin Murtaḍā (m 1091 H)	25703

Al-Kāfi adalah karya Muḥammad bin Ya'qūb bin Ishāq al-Kulaynī yang digelar oleh Syiah sebagai *thiqat al-Islām* (Nisa, K. M. 2017, 43). Karya ini mengumpulkan hadis dan riwayat daripada para imam Syiah,

khususnya Ja'far al-Šādiq. *Al-Kāfi* boleh dibahagikan kepada tiga kategori utama, iaitu *Usūl al-Kāfi*, *Furū' al-Kāfi* dan *Rawḍat al-Kāfi* (Nisa, K. M. 2017, 59-60).



Rajah 1. Kategori Kitab *al-Kāfi*

Dalam pada itu, ulama Syiah berselisih pendapat dalam menentukan kuantiti hadis dan riwayat dalam kitab *al-Kāfi*. Perbezaan itu berpunca daripada kaedah pengiraan oleh ulama Syiah, kerana terdapat sanad yang berulang-ulang atau wujudnya sanad tanpa teks riwayat (Nisa, K. M. 2017, 59). Perkiraan mereka adalah seperti jadual di bawah:

Jadual 3. Kuantiti Riwayat dalam *al-Kāfi*

No.	Pendapat	Jumlah
1.	Al-Khunsari	16.190
2.	Agha Buzurg al-Tihirani	15.181
3.	Ali Akbar al-Gaffari	15.176
4.	Husain li Mahfud	16.199
5.	Al-Majlisi	16.121

Sumber: (Nisa, K. M. 2017, 59)

Fokus perbincangan makalah ini adalah kedudukan Zurārah bin A'yān, perawi utama Syiah. Beliau banyak meriwayatkan ucapan dan khabar daripada imam-imam Syiah. Al-Khū'ī [m.1992 M] menjelaskan bahawa keseluruhan riwayat Zurārah dalam kitab-kitab hadis utama Syiah mencecah 2094 riwayat. Riwayatnya daripada Abū Ja'far al-Bāqir terdapat pada 1236 teks. Manakala riwayat daripada Abū Ja'far dan Abū 'Abd Allāh pada 82 teks. Riwayatnya daripada Abū 'Abd Allāh al-Šādiq sahaja terdapat pada 449 teks dan riwayatnya daripada salah seorang daripada dua imam tersebut pada 56 teks (al-Khū'ī, 8: 254).


Rumusannya, tidak diragui bahawa Zurārah memiliki kedudukan istimewa sebagai perawi utama dan menjadi pegangan bagi Syiah. Meskipun begitu, terdapat banyak riwayat daripada imam-imam Ahlul Bait yang mencela dan melaknat Zurārah. Jika demikian, bagaimanakah kondisi sebuah aliran yang menjadikan tokoh pentingnya seorang individu yang dicela dan dilaknat?

Jadual 4. Statistik Riwayat Zurarah bin A'yān Dalam Kitab *al-Kāfi*

<i>Al-Kāfi</i>	Jilid	Riwayat Zurarah bin A'yān Dalam Kitab <i>al-Kāfi</i>					Jumlah Riwayat
		Al-Bāqir	Al-Šādiq	Al-Bāqir / al-Šādiq	Kata-kata Zurarah	al-Kazim	
<i>Uṣūl al-Kāfi</i>	1	27	15	2	1	-	45
	2	54	15	4	-	-	73
	3	120	59	23	10	-	212
	4	50	25	11	6	-	92
<i>Furū' al-Kāfi</i>	5	53	39	5	6	-	103
	6	78	46	18	3	1	146
	7	47	28	9	6	-	90
<i>Rawḍat al-Kāfi</i>	8	105	32	8	0	-	145
Jumlah		534	259	80	32	1	906


Sumber: Analisis secara induksi oleh penulis, Ogos 2019.

Berdasarkan analisis, didapati kuantiti riwayat Zurārah bin A'yan dalam *Furū al-Kāfi* (jilid 4 hingga 7) menunjukkan jumlah tertinggi, iaitu 430 teks riwayat. Ia diikuti oleh *Uṣūl al-Kāfi* (jilid 1 hingga 3), iaitu 330 teks riwayat dan seterusnya *Rawḍat al-Kāfi*, 145 teks riwayat.




Rajah 2. Kuantiti Riwayat Zurārah Mengikut Kategori *al-Kāfi*

Statistik berdasarkan jilid-jilid *al-Kāfi* pula menunjukkan jilid ke-3 memuatkan jumlah tertinggi melebihi 200 teks riwayat, iaitu 212 teks riwayat. Diikuti oleh jilid 6 dan 8, masing-masing mengandungi 145 teks riwayat. Sementara jilid-jilid yang lain mengandungi kurang daripada 100 teks riwayat. Kuantiti paling rendah adalah dalam jilid pertama, iaitu 43 teks riwayat.




Rajah 3. Kuantiti Riwayat Zurārah Mengikut Jilid *al-Kāfi*

Penelitian terhadap riwayat Zurārah bin A'yan dalam *al-Kāfi* secara holistik menunjukkan beliau paling banyak meriwayatkan daripada Muḥammad bin 'Alī, Abū Ja'far al-Bāqir, berjumlah 534 teks riwayat. Ia diikuti dengan jumlah riwayat daripada Ja'far bin Muḥammad, Abū 'Abdillāh al-Sādiq, iaitu 259 teks riwayat. Ketiga, riwayat daripada kedua-duanya serentak, atau salah seorang daripadanya, iaitu 80 teks riwayat. Jumlah fatwa dan ucapan Zurārah bin A'yan yang dinukilkan dalam *al-Kāfi* ialah 32 teks riwayat. Hanya terdapat satu riwayat Zurārah bin A'yan daripada Musā al-Kāẓim.



Rajah 4. Kuantiti Riwayat Zurarah Mengikut Sumber

Jumlah riwayat dalam *al-Kāfi* ialah 16199 teks riwayat. Maka, hasil analisis menunjukkan bahawa jumlah riwayat Zurarah bin A'yan dalam *al-Kāfi* adalah 906 teks riwayat, sama ada secara bersendirian atau *maqrūn* atau bersama perawi lain. Jumlah itu adalah 5.6 % daripada keseluruhan riwayat dalam *al-Kāfi*.



Rajah 5. Peratus Riwayat Zurarah bin A'yan Dalam *al-Kāfi*

Daripada hasil analisis, dirumuskan bahawa riwayat Zurarah bin A'yan terdapat dalam keseluruhan bahagian kitab *al-Kāfi*. Kuantiti terbesar adalah riwayat daripada Abū Ja'far Mūhammad al-Bāqir, diikuti riwayat daripada Abū 'Abdillāh Jā'far al-Šādiq. Secara umumnya, riwayat Zurarah bin A'yan dalam *al-Kāfi* berjumlah 6 % daripada keseluruhan riwayat, sementara kuantitinya menghampiri 1000 riwayat. Seandainya ulama Syiah menitik beratkan celaan dan kritikan terhadap Zurarah bin A'yan, maka kitab *al-Kāfi* akan kehilangan autentikannya, sekali gus menimbulkan keraguan kepada aliran Syiah sendiri. Namun, realitinya, Syiah tidak sesekali menerima kritikan ulama Sunni terhadap perawi mereka. Justeru, kebenaran sukar dicari dalam periwayatan Syiah dan mazhab mereka dibina menurut hawa nafsu ulama dan perawi yang tercela (al-Qafārī, 1992, 1: 383).

6. Kesimpulan

Matlamat utama makalah ini adalah untuk membincangkan kedudukan perawi utama bagi aliran Syiah, iaitu Zurarah bin A'yan berdasarkan ilmu *al-Jarḥ wa al-Ta'dīl*. Makalah turut menganalisis riwayatnya dalam kitab paling sahih menurut Syiah, iaitu *al-Kāfi* karangan al-Kulaynī. Dapatan paling penting bagi kajian ini adalah perawi utama tersebut telah diberikan kritikan yang serius, sehingga dianggap hilang kredibiliti, malah dituduh sebagai pendusta. Ironinya, Zurarah bin A'yan tetap dianggap perawi paling utama, dan riwayatnya

menghampiri seribu riwayat dalam *al-Kāfi*. Hasil ini menegaskan lagi bahawa keberadaan perawi bermasalah memberi suatu implikasi negatif kepada rujukan utama aliran Syiah, sekaligus menghilangkan nilai autentiknya. Justeru itu, kajian ini merupakan suatu sumbangan dalam perbincangan ilmu hadis, khususnya *al-Jarh wa al-Ta'dil*. Dari aspek yang lain, makalah ini turut menzahirkan ketelitian ulama hadis daripada aliran Sunni, dalam membuat saringan terhadap perawi-perawi bermasalah dalam sumber rujukan hadis mereka.

Rujukan

- Abdul Mukti, M., Zainal Abidin, A., & Mokhtar, M. (2017). Ihsān Ilahī Zāhīr dan kritiknya terhadap akidah al-imāmah. *Jurnal Usuluddin*, 45(2), 1-18.
- Abdul Rahman, M., & Hamat, M. (2018). History of the syiah and its main utility. *al-Muqaddimah: Journal of Postgraduate Studies In Islamic History and Civilization*, 6(2), 57-70.
- Abdul Sukor, A. (1995). Hadis sahih dan mutawatir: Satu perbandingan antara sunni dan syi'ah imamiyyah. *Jurnal Usuluddin*, 2, 87-95.
- Abidin, Z. (2006). Syi'ah dan sunni dalam perspektif pemikiran Islam. *Hunafa: Jurnal Studia Islamika*, 3(2), 117-128.
- Akib, N. (2009). Kesahihan Sanad dan Matan Hadits: Kajian Ilmu-Ilmu Sosial. *Shautut Tarbiyah*, 15(1), 102-119.
- Ali Muḥyī. (2017). Zurārah bin A'yan wa marwiyyatuh fi kitāb al-kāfi dirasat taḥliyyah. *Majallah Kuliyyat al-Fiqh*. 12(12).
- Ali, M. A. M., Ibrahim, M. N., Usman, A. H., Nazri, M. A., & Kadir, M. N. A. (2015). al-Jarh wa al-ta'dil (criticism and praise): It's significant in the science of hadith. *Mediterranean Journal of Social Sciences*, 6(2 S1), 284. DOI: [10.5901/mjss.2015.v6n2s1p284](https://doi.org/10.5901/mjss.2015.v6n2s1p284)
- al-'Āmilī, Muḥammad al-Ḥasan al-Ḥurr. (t.th). *Wasā'il al-shī'ah*. Qom: Muassasat Āli al-Bayt li Ihya' al-Turāth.
- A. Rahman, A. L. (2017). *Athar al-fikr al-aqnabiyyah fi fikr ba'd al-shī'ah al-ithnay 'ashariyyah*. Riyadh: Maktabat al-'Ubaykan.
- al-'Asqalānī, Ibn Ḥajar. (2002). *Lisān al-mizān*. Beirut: Dār al-Bshāir al-Islāmiah.
- al-Baghdādī, 'Abd al-Qāhir, Ṭāhir. (1977). *al-Farq bayn al-firaq*. Beirut: Dār al-Āfaq al-Jadīdah.
- Deraman, F. (2001). Ilmu Takhrij Al-Hadith: Pengertian, Sejarah dan Kepentingannya. *Jurnal Usuluddin*, 14, 55-64.
- al-Dhahabī, Muḥammad Aḥmad Uthmān. (1963). *Mizān al-i'tidāl fi naqd al-rijāl*. Beirut: Dār al-Ma'rifah.
- al-Dhahabī, Muḥammad Aḥmad Uthmān. (1967). *Dīwān al-ḍu'afā' wa al-matrūkīn*. Mecca: Maktabat al-Nahḍah al-Ḥadīthah.
- al-Ḥāirī, Muḥammad 'Ali. (1982). *Jāmi' al-ruwāh*. Qom: Maktabat Āyat Allāh al-Uzmā al-Mar'ashī al-Najafī.
- Ḥasan. K. (2010). Zurarah bin a'yan (150 h/ 767 m) masiratuh wa atharuh al-'ilmī. *Majallah Jamiat Karbala'*, 8(3), 105-114.
- al-Ḥillī, al-Ḥasan 'Ali Dāwūd. (1972). *Kitāb al-rijāl*. Najaf: al-Maṭba'ah al-Ḥayriyyah.
- al-Ḥillī, al-Ḥasan Yūsuf. (1968). *Khulāṣat al-aqwāl fi marifat al-rijāl*. Qom: Muassasat Nashr al-Faqāhah.
- Hj. Sulaiman, I. (1997). Konsep Perawi Al-Sahabah dan Perbahasan di Sekitarnya. *Jurnal Usuluddin*, 5, 63-74.
- Idri, I. (2010). Kritik hadith dalam perspektif studi kontemporer. *Islamica: Jurnal Studi Keislaman*, 4(2), 261-279.
- Irham, M. (2011). Sejarah dan perkembangan kritik matn hadis. mutawatir: *Jurnal Keilmuan Tafsir Hadith*, 1(1), 96-112.
- Itmam, M. S. (2013). Pemikiran islam dalam perspektif sunni dan syi'ah. *Jurnal Penelitian*, 7(2).
- al-Jazāirī, 'Abd al-Nabiyy. (1901). *Hāwī al-aqwāl fi ma'rifat al-rijāl*. Qum: Riyāḍ al-Nāṣirī.
- Jayadi, M. (2015). perkembangan literatur hadis pada masa awal islam. *Khizanah al-Hikmah: Jurnal Ilmu Perpustakaan, Informasi, dan Kearsipan*, 3(1), 65-78.
- al-Khū'ī, al-Sayyid Abū al-Qāsim (t.th). *Mujam rijāl al-ḥadīth*. Najaf: Muassasat al-Imām al-Khū'ī al-Islāmiah.
- Luthfi, K. M. (2015). Kritik matn sebagai metode utama dalam penelitian kesahihan hadis nabi. *Islamic Review: Jurnal Riset dan Kajian Keislaman*, 4(2), 199-224.
- Ma'ani, B. (2010). al-Jarh wa al-ta'dil: upaya menghindari skeptis dan hadis palsu. *Media Akademika*, 25(2), 96-109.
- Mas'od, M., & Hamat, M. (2018). Analisis definisi sahabat dalam beberapa karya syiah melayu. *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 20(1), 1-40.
- Mas'od, M., & Hamat, M. (2019). Pemikiran skeptikal syiah terhadap ahl al-sunnah wa al-jama'ah dalam karya-karya syiah melayu: Satu kritikan. *Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 21(1), 1-52.

- Mas'od, M., & Hamat, M. (2018). Doktrin permusuhan antara sahabat dan ahl al-bayt dalam karya-karya syiah berbahasa melayu. *al-Basirah Journal*, 8(2), 23-40.
- Maswara, H. (2017). Kritik matan hadis di kalangan sahabat. *Tahkim*, 9(2), 145-173. DOI: <http://dx.doi.org/10.33477/thk.v9i2.82>
- Materu, R. D. (2011). Kesahihan sanad hadis (kombinasi metode analisis isnad kesarjanaan muslim dengan non-muslim). *al-Qalam*, 17(1), 82-92.
- M. M. Hamdiah Ṣālih Dali. (2008). Zurah bin a'yan wa ishāmātuh al-'ilmiyyah fī al-turāth al-islāmī. *Majallah Kuliyyat al-Islāmiyyah al-Jāmi'ah*, 4, 171-205.
- Mulyono, S. (2012). Pergolakan teologi syiah-sunni: Membedah potensi integrasi dan disintegrasi. *Ulumuna*, 16(2), 245-278.
- Muna, A. C. (2013). Analisa matan beragam versi: rekonstruksi terhadap metode muhadditsūn. *Jurnal Penelitian*, 6(2). DOI: <https://doi.org/10.28918/jupe.v6i2.228>
- al-Munawwar, S. A. H., Mustaqim, A., & Wurud, A. (2000). *Studi kritis hadis nabi: Pendekatan sosio-historis-kontektual*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Munir, M. (2016). Kajian hadits dalam pandangan sunni dan syi'ah: Sebuah perbandingan. *al-Makrifat: Jurnal Kajian Islam*, 1(2), 95-123.
- al-Mūsawī, 'Abd al-Ḥusayn. (t.th). *al-Murāja'āt*. Tehran: Muassasat Dār al-Kitāb al-Islāmī.
- Muslih, M. K. (2012). Pandangan syi'ah tentang sahabat nabi saw. *Journal of Religious Studies and Islamic Thought*, Kalimah, 11(1), 2-15.
- Mtaib al-Shihri, N. bint A. (2019). مناهج النقد الحديثي بين القبول والرد. *HADIS*, 282-317.
- al-Najāshī, Aḥmad 'Alī. (2010). *Rijāl al-Najāshī*. Beirut: Sharikat al-A'lamī.
- Nadhiran, H. (2014). Kritik sanad hadis: Tela'ah metodologis. *Jurnal Ilmu Agama UIN Raden Fatah*, 15(1), 91-109.
- Nasution, A. H. (2018). Kritik konsep hadis shahih dalam perspektif syi'ah. *Jurnal Penelitian Medan Agama*, 9(2), 247-282.
- Newman, A. J. (2013). *The formative period of twelver shi'ism: hadith as discourse between qum and baghdad*. New York: Routledge.
- Nisa, K. M. (2017). hadis di kalangan sunni (shahih bukhori) dan syi'ah (al-kafi al-kulaini). *an-Nuha: Jurnal Kajian Islam, Pendidikan, Budaya & Sosial*, 3(2), 179-231.
- al-Qafārī, Nāṣir 'Abd Allāh & al-'Aql, Nāṣir 'Abd al-Karīm. (1992). *al-Mūjāz fī al-adyān wa al-madhāhib al-mu'āṣarah*. Riyadh: Dār al-Ṣamī'ī.
- al-Rāzī, Ibn Ābī Hātim. (1952). *al-Jarḥ wa al-ta'dīl*. Beirut: Dār Iḥyā'; al-Turāth al-'Arabī.
- Sunusi, S. (2013). Masa depan hadis dan ulum hadis. *Jurnal al-Hikmah*, 14(1), 65-81.
- S. Damiral. (2012). *Ulūm al-ḥadīth bayn ahl al-sunnah wa al-jamā'ah wa al-shī'ah al-imāmīyah*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Ṭūsī Muḥammad al-Ḥasan. (2006). *Rijāl al-kishshī*. Qum: Muassasah al-Nashr al-Islāmī.
- al-Ṭūsī Muḥammad al-Ḥasan. (t.th). *al-Fahrasat*. Najaf: al-Maktabah al-Murtaḍawiah.
- Ulum, B. (2013). *Telaah kritis periwayatan hadits syiah studi komparatif syiah-sunni*. Tesis Ijazah Kedoktoran (Ph.D), Universitas Muhammadiyah Surakarta).
- Ulum, B. (2016). Mengkritisi hadits syi'ah. *El-Banat: Jurnal Pemikiran dan Pendidikan Islam*, 6(1), 1-14.
- Ulum, B., & Zainudin, M. Z. (2013). Analisis kritis metodologi periwayatan hadits syiah (studi komparatif syiah-sunni). *Profetika: Jurnal Studi Islam*, 14(2), 139-147.
- al-'Uqaylī, Muḥammad 'Umar. (1984). *Kitāb al-du'afā' al-kabīr*. Beirut: Dār al-Maktabah al-'Ilmiyah.
- Vahidnia, F., Naqizadhi, H., & Raisian, G. (2014). Shi'a Rijali Views of Muhammad Ibn Muslim Ibn Shihab al-Zuhri. *Journal of Shi'a Islamic Studies*, 7(1), 5-21.
- al-Wādī'ī, Muqbil Hādī. (2004). *al-Muqtarah fī Ajwibat Ba'd Asilat al-Muṣṭalah*. Sanaa: Dār al-Āthār.
- Zahir, I. I. (1974). *al-Shi'ah wa al-sunnah*. Lahore: Idarat Turjuman al-Sunnah.
- al-Zarkalī, Kahyr al-Dīn Maḥmūd. (2002). *al-Alām*. Beirut: Dār al-Ilm li al-Malāyīn.